



"RAHMATAN LIL 'ALAMIN".1

<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُسْوَةٌ حَسَنَةٌ لِّمَن كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ الْآخِرَ وَذَكَرَ اللَّهَ كَثِيرًا ۝¹</p>	2
<p>أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	3
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ ۚ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنتُمْ مُسْلِمُونَ ۝</p>	4
<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Alhamdulillah, di hari Jumaat yang penuh barakah ini, marilah kita bersama-sama mempertingkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan sebenarnya , iaitu dengan sentiasa berhati-hati dalam segala tindakan seharian kita, agar ianya sentiasa selari dan bertepatan dengan kehendak Allah SWT dan Rasul-Nya, dan jauh daripada tegahan dan larangan-Nya. Mudah-mudahan, kita diberi keberkatan hidup di dunia dan kejayaan di akhirat.</p>	5
<p>Marilah sama-sama kita menghayati khutbah pada hari ini yang bertajuk "RAHMATAN LIL 'ALAMIN".</p>	6
<p>Sebelum meneruskan khutbah ini, khatib ingin mengingatkan hadirin Jumaat sekalian akan pesanan Rasulullah SAW supaya dapat menumpukan perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan. Janganlah bercakap-cakap dan melakukan perkara yang sia-sia, termasuklah menggunakan telefon bimbit ketika khatib sedang menyampaikan khutbah.</p> <p>Hadirin yang dikasihi Allah SWT.</p>	7

¹ Al-Ahzab : 21.



<p>Bulan Rabi'ul Awal ini, merupakan bulan kelahiran junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW. Kehadiran Baginda merupakan rahmat bagi sekalian alam. Kelahiran Rasul SAW telah memberi satu titik permulaan kepada kesempurnaan Islam dan pelengkap kepada syariat yang dibawa oleh Rasul-rasul terdahulu. Kita sepatutnya berbangga dan bersyukur, kerana telah dipilih oleh Allah SWT, untuk menjadi ummat Nabi Muhammad SAW yang merupakan penghulu kepada sekalian Nabi.</p>	8
<p>Rasulullah SAW meraikan hari kelahirannya dengan berpuasa pada hari Isnin. Hadis Sahih Riwayat Abu Qatadah Al Ansori Radhiallahu Anhu beliau berkata:</p> <p>أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ ﷺ سُئِلَ عَنْ صَوْمِ يَوْمِ الْاِثْنَيْنِ قَالَ: ذَاكَ يَوْمٌ وُلِدْتُ فِيهِ وَيَوْمٌ بُعِثْتُ أَوْ أُنزِلَ عَلَيَّ فِيهِ</p>	9
<p><i>"Sesungguhnya Rasulullah SAW ditanya mengenai puasa pada hari Isnin, Baginda SAW bersabda: Hari tersebut adalah hari aku dilahirkan dan hari diangkat aku menjadi rasul atau diturunkan kepadaku Al-Quran".</i></p> <p><i>(Riwayat Muslim).</i></p>	10
<p>Jelas di sini bahawa, meraikan Maulidur Rasul tidak menjadi suatu kesalahan. Namun aktiviti yang dijalankan dalam sambutan tersebut hendaklah dalam kategori ibadah kepada Allah SWT dan menjurus ke arah ketaatan yang dapat meningkatkan kasih sayang kepada rasul-Nya. Aktiviti yang diamalkan sempena Maulidur Rasul seperti berselawat , mengalunkan Qasidah memuji Nabi Muhammad SAW, berzikir, mengadakan majlis ilmu dan mengadakan aktiviti sukan seperti yang diamalkan dalam masyarakat kita dahulu, adalah merupakan amalan yang baik dan perlu diteruskan.</p>	11
<p>Dengan cara inilah , sedikit sebanyak generasi muda kita pada hari ini, dapat diperkenalkan dengan Rasulullah SAW. Diantara Qasidah memuji Nabi SAW adalah seperti yang dikarang oleh Shaikh Muhammad Ibnu Sa'id Al-Busairi:</p> <p>مُحَمَّدٌ سَيِّدُ الْكَوْنَيْنِ وَالْثَّقَلَيْنِ وَالْفَرِيقَيْنِ مِنْ عُرْبٍ وَمِنْ عَجَمٍ هُوَ الْحَبِيبُ الَّذِي تُرْجَى شَفَاعَتُهُ لِكُلِّ هَوْلِ مِنَ الْأَهْوَالِ مُقْتَحَمٍ</p>	12



<p><i>"Muhammad itu adalah penghulu kepada dua alam dunia dan akhirat, dan penghulu bagi dua kelompok (manusia dan jin), dan ikutan bagi orang arab dan bukan arab. Dialah kekasih Allah yang diharapkan syafaatnya, pada setiap kekalutan dari kedahsyatan yang melanda (di hari kiamat).</i></p>	13
<p>Hadirin yang dikasihi Allah SWT.</p> <p>Disaat umat Islam sedang diserang dengan ideologi pemikiran songsang dan sesat, kita amat memerlukan program penghayatan sunnah Nabi SAW seumpama ini, demi menyelamatkan generasi kita dari racun musuh Islam yang menyerang dari segenap sudut. Menghidupkan sunnah Nabi SAW dan memupuk kasih sayang kepada Baginda tidak terhad hanya ketika sambutan Maulidur Rasul semata-mata, bahkan ianya perlu berterusan selagi jasad dikandung badan,</p>	14
<p style="text-align: center;"> وَمَا أَرْسَلْنَاكَ إِلَّا رَحْمَةً لِّلْعَالَمِينَ</p> <p><i>"Dan tidaklah Kami (Allah SWT) utuskan kamu wahai Muhammad, melainkan sebagai rahmat kepada sekalian alam".</i></p>	15
<p>Mengikut Tafsir al-Tobari, sebahagian ulama' berpendapat bahawa Nabi Muhammad SAW sebagai rahmat kepada sekalian alam bermaksud rahmat kepada orang beriman dan orang kafir. Ini berdasarkan kepada tafsiran Ibnu 'Abbas Radhiallahu Anhumah, bahawa orang yang beriman kepada Allah SWT dan hari akhirat akan mendapat rahmat didunia dan diakhirat, dan sesiapa yang tidak beriman kepada Allah SWT dan rasulNya, maka mereka tidak akan terselamat daripada azab Allah (iaitu ditelan kedalam perut bumi atau dihujani batu dari langit).</p>	16
<p>Rahmatnya Nabi SAW dengan berakhlak mulia kepada kawan dan lawan serta tidak mengenal erti kesumat dan dendam. Rahmatnya Nabi Muhammad SAW mengajak manusia kepada redha Allah SWT dan mencegah manusia dari kekufuran dan maksiat. Rahmatnya baginda Nabi SAW, diutus untuk membendung nafsu manusia dari kejahatan dan kerosakkan, dan bukannya menggalak dan menyubur nafsu songsang dan kemungkaran. Rahmatnya Rasul SAW, tidak terhenti hanya kepada sekalian insan, tetapi ianya berpanjangan kepada haiwan, tumbuhan dan segala isi alam.</p>	17



<p>Mengikuti contoh akhlak yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW merupakan satu-satunya jalan untuk kita mendapat kasih sayang Allah SWT dan pengampunanNya. Kita sebagai orang Islam sudah tentu berharap untuk sentiasa berada dibawah naungan kasih sayang dan pengampunan Allah SWT. Oleh yang demikian, Allah mengutus Nabi Muhammad SAW untuk kita ikuti dan teladani bagi mencapai tujuan tersebut.</p>	<p>18</p>
<p>Firman Allah SWT dalam surah Ali 'Imran ayat 31:</p> <p>قُلْ إِنْ كُنْتُمْ تُحِبُّونَ اللَّهَ فَاتَّبِعُونِي يُحْبِبْكُمُ اللَّهُ وَيَغْفِرْ لَكُمْ ذُنُوبَكُمْ وَاللَّهُ غَفُورٌ رَحِيمٌ ﴿٣١﴾</p>	<p>19</p>
<p><i>"Katakanlah (wahai Muhammad): Jika benar kamu mengasihi Allah maka ikutilah daku, nescaya Allah mengasihi kamu serta mengampunkan dosa kamu dan ingatlah Allah Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani".</i></p>	<p>20</p>
<p>Amat malang sekali, jika ada di kalangan ummat Nabi Muhammad SAW, mencari tokoh, idola dan ikutan yang lain, selain daripada Nabi Muhammad SAW untuk dijadikan panduan hidup. Tidak cukup lengkapkah apa yang dibawa oleh Nabi SAW? Atau sebenarnya diri kita sendiri yang belum cukup mengenali Nabi Muhammad SAW seterusnya gagal mencontohi dan mengagumi baginda SAW.</p>	<p>21</p>
<p>Diriwayatkan daripada Abdullah Ibnu Hisham bahawa Umar Ibn Khattab berkata ;</p> <p>يَا رَسُولَ اللَّهِ لَأَنْتَ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ كُلِّ شَيْءٍ إِلَّا مِنْ نَفْسِي فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ : لَا، وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ حَتَّى أَكُونَ أَحَبَّ إِلَيْكَ مِنْ نَفْسِكَ، فَقَالَ لَهُ عُمَرُ : فَإِنَّهُ الْآنَ وَاللَّهِ لَأَنْتَ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ نَفْسِي فَقَالَ النَّبِيُّ ﷺ الْآنَ يَا عُمَرُ</p>	<p>22</p>
<p><i>" Ya Rasulallah! Sesungguhnya kamu lebih aku cintai melebihi segalanya kecuali diriku sendir. Maka Nabi SAW bersabda: Demi diriku yang berada di tangan-Nya, sehingga aku dicintai olehmu dari dirimu sendiri. Maka berkata Umar : Sesungguhnya sekarang, demi Allah engkau lebih aku cintai dari diriku sendir, Maka Nabi SAW bersabda: Sekarang (barulah sempurna iman kamu) wahai Umar".</i></p> <p>(Riwayat Al Bukhari).</p>	<p>23</p>



<p>Muslimin yang berbahagia,</p> <p>Mencintai baginda SAW merupakan pelengkap kepada keimanan seseorang Islam. Perkara ini sering dipandang remeh oleh sebahagian umat Islam pada hari ini. Terkadang, kasih sayang kepada manusia lain melebihi kasih kepada Nabi SAW, maka tidak hairanlah jika umat Islam pada zaman sekarang ini sanggup melakukan perkara mungkar demi mencari redha manusia yang dikasihi dan meninggalkan perkara yang disukai oleh Rasulullah SAW.</p>	24
<p>Contohnya kasih para sahabat Ridwanallahu 'Alaihim Ajma'in terhadap Rasulullah SAW. Kasih mereka terhadap baginda tersangat dalam dan melebihi kasih kepada manusia yang lain, membuatkan mereka mengikut satu persatu, meniru dari sebesar-besar perkara hinggalah sekeci-kecilnya, apa yang diajar oleh Nabi SAW, sehinggakan ada ketikanya, orang yang belum pernah bertemu dengan Nabi SAW menyangkakan sebahagian para sahabat adalah Nabi SAW kerana akhlak mulia yang dizahirkan mirip kepada keindahan akhlak Rasulullah SAW.</p>	25
<p>Hadirin yang dikasihi Allah sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam hendaklah menanam benih kasih dan sayang yang berpanjangan kepada junjungan besar Nabi kita Muhammad SAW melalui pengajian majlis ilmu berkaitan sifat dan akhlak Rasulullah.2. Umat Islam hendaklah sentiasa menjadikan Nabi Muhammad SAW sebagai contoh dan tauladan dalam mentadbir rumahtangga dengan baik, bertanggungjawab dan penuh kasih sayang.	26
<ol style="list-style-type: none">3. Kita sebagai umat Islam, mesti memperkenalkan Nabi SAW kepada anak-anak kita sejak kecil lagi, supaya mereka dapat membesar dalam keadaan mengenali akhlak dan keperibadian Nabi SAW, seterusnya menjadikan Nabi sebagai contoh ikutan mereka.4. Akhlak Nabi SAW hendaklah diterapkan didalam kehidupan seharian kita, tanpa mengira apa jua latar belakang, pangkat dan kedudukan yang kita kecapai sekarang ini.	27



<p>أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَمَا مُحَمَّدٌ إِلَّا رَسُولٌ قَدْ خَلَتْ مِنْ قَبْلِهِ الرُّسُلُ أَفَإِنْ مَاتَ أَوْ قُتِلَ انْقَلَبْتُمْ عَلَى أَعْقَابِكُمْ وَمَنْ يَنْقَلِبْ عَلَى عَقْبَيْهِ فَلَنْ يَضُرَّ اللَّهَ شَيْئًا وَسَيَجْزِي اللَّهُ الشَّاكِرِينَ ﴿١٤٤﴾</p>	28
<p>"Dan Muhammad itu tidak lain hanyalah seorang Rasul yang sudahpun didahului oleh beberapa orang Rasul (yang telah mati atau terbunuh). jika demikian, kalau ia pula mati atau terbunuh, (patutkah) kamu berbalik (berpaling tadah menjadi kafir)? dan (ingatlah), sesiapa yang berbalik (menjadi kafir) maka ia tidak akan mendatangkan mudarat kepada Allah sedikitpun; dan (sebaliknya) Allah akan memberi balasan pahala kepada orang-orang yang bersyukur (akan nikmat Islam yang tidak ada bandingannya itu)."</p> <p>(surah ali-'Imran : 144).</p>	29
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	30
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	31



KHUTBAH KEDUA

<p>1</p> <p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	<p>1</p>
<p>2</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	<p>2</p>
<p>Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,</p> <p>Khatib sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Kita amatlah dituntut agar...</p>	<p>3</p>
<p>menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam....</p>	<p>4</p>
<p>.... Oleh itu mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT dalam firmanNya:</p>	<p>5</p>
<p>6</p> <p>إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.</p>	<p>6</p>
<p>7</p> <p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.</p>	<p>7</p>
<p>8</p> <p>اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَأَنْصِرْنَا عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.</p>	<p>8</p>



<p>اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَغُورِ،</p>	9
<p>سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُولِّيَ عَهْدِ سَلَغُورِ، تَعَكُّو أَمِيرِ شَاهِ إِنِّيالسُّلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادريس شاه الحاج</p>	10
<p>فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْنِكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَاالْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.</p>	11
<p>Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkebakikan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.</p>	12
<p>Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat,</p>	13
<p>lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p>	14



Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfakkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.	15
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ رِضَاكَ وَالْجَنَّةَ، وَنَعُوذُ بِكَ مِنْ سَخَطِكَ وَالنَّارِ. اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ كَرِيمٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ عَنَّا وَعَنْ وَالِدَيْنَا وَعَنْ جَمِيعِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ	16
رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا إِنَّا أَلَيْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ	17
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٩٠﴾	18
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.	19